

---

STEER POINT (M) lwn. ONG LEE KUI & YANG LAIN  
MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG  
ABDUL HAMID MOHAMAD  
GUAMAN SIVIL NO. 22-27-91  
10 JUN 1991  
[1991] 2 CLJ Rep 170; [1991] 3 CLJ 2106

**PROSEDUR SIVIL:** *Injunksi sementara - Injunksi mandatori - Soalan serius untuk dibicarakan - Beban membuktikan atas imbangan kemungkinan - Imbangan kesesuaian - Akta Relif Spesifik 1950, s. 53.*

Pada Julai 1990, defendant pertama, D1, mencadangkan kepada SSG supaya mereka, bersama NCK, bermiaga telefon tangan di premis milik D1. Untuk tujuan itu, sebuah syarikat telah ditubuhkan (plaintif dalam kes ini) untuk menjadi wakil pengedar barang itu bagi syarikat Iseto Elektronik. Kedua-dua defendant memiliki 25% saham dalam syarikat, manakala 70% dimiliki oleh isteri SSG dan 5% oleh NCK. Premis D1 telah diubahsuai dan kedua-dua defendant telah diamanahkan oleh plaintif menguruskan perniagaan itu dengan dibayar gaji. Oleh sebab defendant tidak menjalankan perniagaan dengan betul dan beramanah, plaintif telah menggantung perkhidmatan mereka.

Seterusnya plaintif telah meminta defendant mengemukakan akaun, mengisyiharkan stok dan memulangkan barang plaintif, tetapi permintaan itu tidak dilayan oleh defendant. Pada 1 Februari 1991, defendant telah menutup premis. Pada 6 Februari 1991, plaintif memohon injunksi sementara menahan defendant daripada mengganggu plaintif menduduki premis, meneruskan perniagaan, dan mendedahkan maklumat sulit atau rahsia perniagaan plaintif. Plaintiff juga meminta injunksi mandatori supaya defendant memulangkan kepada plaintif semua dokumen, buku, stok dan lain-lain harta syarikat. Setelah mendengar permohonan, *ex parte* itu, Mahkamah telah mengeluarkan perintah yang dipohon oleh plaintif. Pada 2 March 1991, defendant memohon injunksi itu diketepikan.

Yang menjadi isu ialah sama ada terdapat persoalan yang serius untuk dibicarakan. Defendant menghujah bahawa tidak terdapat kausa tindakan yang munasabah kerana kausa tindakan tidak berkenaan dengan relif injunksi yang dipohon, dan juga bahawa plaintif tidak memberi butiran dan keterangan yang berkaitan. Defendant juga menafikan bahawa mereka telah melawan perniagaan plaintif atau telah menyalahgunakan rahsia perniagaan plaintif.

**Diputuskan:**

[1] Plaintiff mempunyai hak di sisi undang-undang untuk mengasaskan tuntutannya. Terdapat persoalan yang serius untuk dibicarakan. Pada peringkat ini, plaintiff tidak perlu membuktikan kesnya atas imbangan kemungkinan.

[2] Mahkamah tidak perlu, di peringkat ini, memutuskan persoalan fakta yang boleh dan perlu diputuskan dalam perbicaraan.

[3] Dalam kes ini, gantirugi tidak memadai walaupun isu ini tidak dihujah oleh defendant. Mengenai imbangan kesesuaian, ia memihak kepada plaintiff.

[4] Injunksi mandatori yang dipohon oleh plaintiff adalah sesuai dengan penggantungan perkhidmatan defendant. Memandangkan alegasi penyalahgunaan wang oleh defendant, adalah adil dan munasabah benda-benda yang dituntut oleh plaintiff itu dipulangkan kepada mereka untuk membolehkan plaintiff mengetahui kedudukan yang sebenar dan mengelakkan kemungkinan dimusnah atau diganggu.

**[Nota pengarang:** Pihak defendant telah merayu kepada Mahkamah Agung pada 6 April 1991 melalui M.A.R.S. No. 02-168-91.]

**Case(s) referred to:**

*Tinta Press Sdn. Bhd. lwn. Bank Islam Malaysia Bhd. [1987] CLJ (Rep) 396 (dirujuk)*

**Counsel:**

*Bagi pihak plaintiff - Ismadi b. Zainal Abidin; T/n. Mahinder Singh Dulku & Co.*

*Bagi pihak defendant - Tan Beng Hong; T/n. Ooi, Lee & Co.*

**PENGHAKIMAN**

**Abdul Hamid Mohamed PK:**

Melalui saman dalam kamar yang difaiklan pada 6 Februari 1991, plaintiff memohon injunksi sementara menahan defendant-defendant daripada:

- (1) mengganggu plaintiff daripada menduduki premis No. 1, Jalan Zainal Abidin, Pulau Pinang (premis berkenaan);
- (2) menerima, mengambil pesanan daripada atau berurusan dengan orang ramai berkenaan barang-barang yang diniagakan oleh plaintiff;
- (3) mendedahkan maklumat sulit atau rahsia perniagaan plaintiff;

Plaintif juga memohon injunksi mandatori supaya defendant-defendant diperintahkan memulangkan kepada plaintiff semua dokumen, manual, buku stok dan lain-lain harta plaintiff yang berada dalam simpanan defendant-defendant.

Permohonan ini disokong oleh afidavit pengarah yang juga setiausaha plaintiff - lampiran 3.

Setelah mendengar permohonan itu secara *ex parte* saya memberi perintah yang dipohon -

lampiran 6.

Pada 2 Mac 1991 defendant-defendant memfailkan permohonan supaya perintah itu diketepikan - lampiran 7. Setelah mendengar hujah kedua belah pihak saya menolak permohonan itu.

Soal pertama yang perlu diputuskan ialah sama ada terdapat persoalan yang serius untuk dibicarakan.

Untuk memahami apa yang sebenarnya dipertikaikan eloklah disebut secara ringkas latar belakang dan asas tuntutan plaintiff.

Plaintif adalah sebuah syarikat yang diperbadankan. Defendant pertama dan kedua adalah suami isteri. Mereka menjalankan perniagaan yang dikenali sebagai Kui Electrical Service. Dalam bulan Julai 1990 defendant pertama mencadangkan kepada Encik Soon Song Gim, suami Puan Lim Gim Lee supaya mereka menjalankan perniagaan telefon tangan. Defendant pertama mempunyai pengalaman dalam perniagaan tersebut tetapi tidak mempunyai modal. Defendant pertama menawarkan premis berkenaan sebagai tempat menjalankan perniagaan itu. Kedua pihak, termasuk Encik Neoh Chee Kean bersetuju dengan cadangan itu. Defendant pertama, Encik Soon dan Encik Neoh, pergi menemui Iseto Elektronik Sdn. Bhd. pengedar utama telefon tangan Kokusai di Malaysia. Iseto Elektronik tidak berminat untuk memberi hak wakil pengedar kepada Kui Electrical (malah telah menolak permohonan Kui Electrical) tetapi bersetuju memberi hak wakil pengedar kepada sebuah syarikat berhad. Oleh itu mereka memperbadankan syarikat plaintiff. Saham sebanyak 25% dikeluarkan kepada defendant-defendant sebagai balasan kepada defendant pertama memindahkan " semua perniagaan perfileman video, servis alat elektrik dan sebagainya " di bawah Kui Electrical, aset-asetnya dan sewaan premis berkenaan kepada plaintiff. 70% saham plaintiff dipegang oleh Puan Lim Gui Lee dan 5% dipegang oleh Encik Neoh.

Selepas itu, premis itu diubahsuai oleh plaintiff dengan kos lebih kurang \$45,000. Defendant-defendant diamanahkan menjalankan urusan perniagaan harian plaintiff dengan dibayar gaji. Sewaan premis itu dibayar oleh plaintiff.

Hanya beberapa bulan kemudian didapati defendant-defendant tidak menjalankan urusan perniagaan itu dengan betul seperti tidak masuk wang yang dikutip daripada jualan ke akaun plaintiff, menjual unit-unit telefon secara persendirian dan membuat keuntungan sulit dan menyalahgunakan wang plaintiff.

Oleh sebab defendant-defendant tidak memberi penjelasan yang memuaskan lembaga pengarah plaintiff telah menggantung perkhidmatan mereka.

Plaintif telah berkali-kali meminta defendant-defendant memberikan akaun-akaun, mengisyiharkan stok dan memulangkan semua peralatan barang-barang kepunyaan plaintiff tetapi mereka gagal berbuat demikian. Pada 1 Februari 1991 mereka menutup premis tersebut pada pukul 11.00 pagi. Bukan itu sahaja. Mengikut gambar bertarikh bulan Januari 1991 (Ekhibit NCK 18 lampiran 12) pada tiang premis tersebut Kui Electrical Service telah diiklankan dengan besarnya.

Pendek kata atas sebab-sebab inilah plaintiff memohon injunksi ini.

Berdasarkan fakta-fakta tersebut di atas saya berpuas hati bahawa plaintiff mempunyai hak di sisi undang-undang untuk mengasaskan tuntutannya. Dalam perkataan lain saya berpuashati bahawa terdapat persoalan yang serius untuk dibicarakan. Saya tidak bersetuju dengan hujah peguam defendant-defendant bahawa tidak terdapat kausa tindakan yang munasabah dan bahawa kausa tindakan tidak berkenaan dengan relif injunksi yang dipohon. Peguam defendant-defendant juga menghujahkan bahawa permohonan plaintiff tidak memberi butiran-butiran (particulars) dan tidak mengemukakan keterangan bagi mengatakan bahawa hak plaintiff telah diganggu, bahawa defendant-defendant melawan perniagaan plaintiff dan bahawa mereka ada membuat tempahan untuk faedah diri mereka sendirilah bahawa buku-buku akaun ada dalam milikan defendant-defendant. Beliau juga menghujahkan bahawa tidak terdapat keterangan bahawa rahsia perniagaan plaintiff telah disalahgunakan. Untuk menjawab hujah-hujah ini, rasanya adalah memadai dengan saya mengatakan bahawa di peringkat ini plaintiff tidak perlu membuktikan kesnya atas imbalan kemungkinan. Plaintiff cuma perlu memuaskan Mahkamah bahawa terdapat persoalan yang serius untuk dibicarakan. Apa yang dinyatakan dalam afidavit menyokong permohonan ini (lampiran 3) adalah memadai untuk tujuan itu.

Rasanya di peringkat ini tidaklah perlu bagi saya memutuskan persoalan-persoalan fakta seperti boleh atau tidak premis itu diberi sewaan kecil. Semua ini cuma boleh dan perlu diputuskan dalam perbicaraan kelak.

Peguam defendant-defendant tidak menghujahkan bahawa dalam kes ini gantirugi adalah memadai. Saya telah menimbang hal ini. Saya berpuashati dalam keadaan kes ini gantirugi tidaklah memadai.

Demikian juga dengan imbalan kesesuaian. Dalam kes ini ia memihak kepada plaintiff.

Berkenaan injunksi mandatori untuk memulangkan dokumen, buku, manual, stok dan lain-lain harta plaintiff itu, prinsip yang patut dipakai dalam menimbang untuk memberinya atau tidak disebut dengan jelas oleh Mahkamah Agung dalam kes [Tinta Press Sdn. Bhd. lwn. Bank Islam Malaysia Bhd. \[1987\] CLJ \(Rep\) 396](#) 396 pada ms. 398:

The discretionary power of the court to grant a mandatory injunction is provided by [s. 53 of the Specific Relief Act 1950 \(Act 137\)](#). By judicial process, the power is extended to the granting of an interlocutory mandatory injunction before trial. Such discretion however must be exercised and an injunction granted only in exceptional and extremely rare cases as was held in *Wah Loong (Jelapang) Tin Mines Sdn. Bhd. lwn. Chia Ngen Yiok* and confirmed by the Federal Court in *Sivaperuman lwn. Heah Seok Yeong Realty Sdn. Bhd.* The case must be unusually strong and clear in that the court must feel assured that a similar injunction would probably be granted at the trial on the ground that it would be just and equitable that the plaintiff's interest be protected by immediate issue of an injunction, otherwise irreparable injury and inconvenience would result. (See *Gibb & Co. lwn. Malaysia Building Society Bhd. and Shepherd Homes Ltd. lwn. Sandham.*

Tetapi perlu diingat bahawa dalam kes ini injunksi mandatori yang dipohon itu bukanlah daripada jenis yang akan memberikan relief sepenuhnya kepada plaintiff. Plaintiff cuma memohon supaya defendant memulangkan semua dokumen, manual, buku, stok dan lain-lain harta kepunyaan plaintiff. Ini adalah sesuai dengan penggantungan perkhidmatan defendant-

defendant oleh lembaga syarikat plaintif. Lagi pula memandangkan bahawa terdapat alegasi penyalahgunaan wang plaintif oleh defendant-defendant yang menjadi bahan tindakan sibil ini, adalah adil dan munasabah benda-benda itu dipulangkan kepada plaintif untuk membolehkan plaintif mengetahui kedudukan yang sebenar dan mengelak kemungkinan dimusnahkan atau diganggu (tampered with). Saya juga berpendapat besar kemungkinan injunksi mandatori ini akan diperolehi juga akhirnya. Oleh itu, dalam penghakiman saya, ini adalah satu kes yang "exceptional" di mana injunksi mandatori yang dipohon itu patut diberi.

Atas alasan-alasan ini saya berpendapat perintah-perintah injunksi yang saya berikan pada 11 Februari 1991 itu patut dikekalkan sehingga selesai perbicaraan tindakan ini.